

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2005

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia
Ayer Keroh, Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.,

Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan,

PENYATA PENDAPATAN 2004

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan, Penyata Pendapatan bagi tahun 2004 telah diedarkan kepada Penolong Pendaftar di setiap Fakulti/Pejabat masing-masing. Sehubungan dengan itu, Penyata Pendapatan yang bermasalah hendaklah dihantar semula untuk dibuat pengemaskinian sebelum 1 Mac 2005.

Penyata Pendapatan yang bermasalah ini hendaklah dibahagikan kepada dua bahagian:

- 1) Masalah berkaitan data peribadi staf (contohnya: nama, alamat, bilangan anak, no cukai dan sebagainya) – diserahkan kepada Encik Khairul Niza Bin Yahya (Samb. 2232).
- 2) Masalah berkaitan data gaji staf (contohnya: gaji asas, elaun, bonus, potongan dan sebagainya) – diserahkan kepada Puan Sabarina Binti Abdullah (Samb. 2168).
- 3) Bagi staf yang mempunyai masalah untuk data staf dan gaji, penyata pendapatan tersebut hendaklah diserahkan terus kepada Puan Sabarina Binti Abdullah.

Selain dari itu, beberapa perkara berikut perlu diberi perhatian:

- 1) Staf yang pernah menerima elaun tambahan (elaun memangku, elaun menanggung, dll), dan elaun tersebut telah ditolak kembali apabila berlaku kenaikan pangkat dan sebagainya, boleh memohon kepada Unit

Gaji Dan Pinjaman, Pejabat Bendahari untuk mengesahkan pendapatan bercukai 2005.

- 2) Elaun keraian adalah pendapatan yang tidak bercukai. Sehubungan dengan itu staf yang ingin melaporkan pendapatan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh memohon kepada Unit Gaji Dan Pinjaman, Pejabat Bendahari untuk mengesahkan pendapatan bercukai 2005.

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh diatas.

Sekian, *wassalam*.

'BEKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Saya yang menurut perintah,

(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari
Pejabat Bendahari
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

s.k. **Y. Bhg. Datuk Prof. Ismail bin. Hassan**
Rektor

Y. Bhg. Prof. Dr. Azhari bin. Saleh
Timbalan Rektor Akademik

Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohd Diah
Timbalan Rektor Pembangunan dan Perancangan Korporat

